

PENGURUSAN HAL EHWAL SEKOLAH AGAMA

PENDAHULUAN

Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang ditubuhkan atas perkenan Majlis Raja-Raja Yang Ke-126 pada 24 Februari 1983 berperanan **menyelaras dan meningkatkan sistem pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah agama yang bukan di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** di seluruh negara.

2. Penyelarasan dan pengurusan Sekolah Agama ini adalah merangkumi Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR), tahfiz dan pondok swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN).

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB LEPAI

3. Fungsi LEPAI adalah seperti yang berikut:

- (a) Menyelaraskan pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah agama negeri dan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Malaysia.
- (b) Meningkatkan mutu pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah tersebut supaya pelajar-pelajar yang lulus darinya berkelayakkan untuk menjawat jawatan guru agama dan

pegawai agama atau untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri.

- (c) Membuat apa-apa kajian atau syor yang perlu untuk mencapai maksud-maksud perenggan (a) dan (b).
- (d) Mengadakan latihan perguruan bagi guru-guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut untuk meninggikan kebolehan dan kemampuan mereka supaya sesuai untuk mencapai maksud-maksud perenggan (a) dan (b).
- (e) Memberi perkhidmatan nasihat kepada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri mengenai berbagai aspek pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah tersebut.
- (f) Menyalurkan dengan saksama apa-apa bantuan, pemberian atau subsidi untuk faedah sekolah-sekolah tersebut yang diperolehinya dari mana-mana sumber.

4. Berdasarkan fungsi tersebut, LEPAI bertanggungjawab untuk:

- (a) Mengadakan sukatan pelajaran dan kurikulum pelajaran agama.
- (b) Menentukan buku-buku teks.
- (c) Mengatur dan mengawal peperiksaan.
- (d) Mengeluarkan sijil-sijil kelulusan peperiksaan.

PERANAN JAKIM SEBAGAI URUS SETIA LEPAI

5. JAKIM merupakan agensi agama peringkat Persekutuan yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas Setiausaha dan keurussetiaan LEPAI, yang dilaksanakan melalui Bahagian Dasar Kemajuan Islam dan Bahagian Pendidikan JAKIM.

6. Dalam konteks ini, JAKIM berperanan **melaksanakan penyelarasan dengan negeri-negeri berdasarkan syor atau nasihat yang dikemukakan oleh LEPAI** dalam hal ehwal berkaitan pengurusan Sekolah Agama, tahfiz dan pondok, tanpa menyentuh bidang kuasa negeri.

7. Terdapat empat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah LEPAI dan turut diurussetiakan serta diselaraskan fungsinya oleh JAKIM iaitu:

- (a) Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum.
- (b) Jawatankuasa Buku Teks.
- (c) Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan.
- (d) Jawatankuasa Akreditasi Tahfiz.

8. Sehingga kini pelbagai penyelarasan telah berjaya dilaksanakan melalui LEPAI. Antaranya ialah:

- (a) Mengambil inisiatif mengemukakan permohonan kepada KPM bagi mengiktiraf SAN dan SAR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi membolehkan sekolah tersebut menerima bantuan dan kemudahan dari KPM. Antaranya Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), kemudahan kesihatan di

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), biasiswa, inisiatif pelajar cemerlang dan sebagainya.

- (b) Menyelaras kurikulum agama sekolah-sekolah menengah kepada satu kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri-negeri dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (c) Menyelaras sijil-sijil peperiksaan sekolah agama di negeri-negeri kepada hanya satu sijil tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan iaitu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mulai tahun 2000, setaraf dengan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM). Pemegang sijil STAM layak memohon untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) dan universiti-universiti di Timur Tengah.
- (d) Mendapatkan pengiktirafan JPA bagi lulusan STAM dalam menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam dengan Gred S29.
- (e) Memberi kerjasama kepada Lembaga Peperiksaan KPM dalam melaksanakan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan turut membangunkan kurikulum STAM pada tahun 2005 dan 2010.

- (f) Mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan latihan keagamaan kepada guru-guru dan murabbi di Sekolah Agama, tahfiz dan pondok, serta latihan pengurusan pentadbiran kepada para pentadbir di institusi tersebut.
- (g) Mengumpul dan menyelaraskan data institusi Pendidikan Islam melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI).
- (h) Mewujudkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dan Pelan Tindakan DPTN bagi tujuan menyelaraskan pengurusan pendidikan tahfiz di Malaysia.

PENGANJURAN PROGRAM KOKURIKULUM PERINGKAT KEBANGSAAN

9. Penganjuran program kokurikulum melibatkan penyertaan pelajar dari Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara merupakan salah satu program yang dilaksanakan di bawah penyelarasan LEPAI, yang juga merupakan salah satu kerjasama strategik antara JAKIM dengan PBAN dalam bidang pendidikan.

10. Setiap tahun, tiga acara kokurikulum peringkat kebangsaan dipertandingkan yang memberi peluang kepada para peserta menggilap dan menyetarakan bakat serta kebolehan masing-masing sehingga ke peringkat kebangsaan. Tiga acara tersebut ialah:

- (a) Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA).
- (b) Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama (MESMA).

(c) Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM).

11. Objektif penganjuran program kokurikulum ini ialah untuk meningkatkan pencapaian dan perkembangan pendidikan pelajar di SMAN, SMAR dan SABK, bertepatan dengan kehendak arus perdana pendidikan negara yang memerlukan pelajar yang cerdas dalam pelajaran dan cergas dalam bersukan.

12. Lebih utama, penglibatan pelajar SMAN, SMAR dan SABK dalam ketiga-tiga acara kokurikulum ini turut mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai program peringkat kebangsaan yang membolehkan mereka mendapat markah merit untuk kemasukan ke Universiti Awam dalam negara.

13. Di peringkat rendah pula, mulai tahun 2020 JAKIM menganjurkan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran KAFA (MTHQK) Peringkat Kebangsaan yang merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan Ihtifal KAFA Kebangsaan (IKK). Ia menjadi sebahagian daripada aktiviti kokurikulum dan latihan pengukuhan kepada murid-murid KAFA dalam menguasai kurikulum KAFA khususnya tilawah dan hafazan al-Quran.

PENGURUSAN AGIHAN PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM BERDAFTAR SELURUH MALAYSIA

14. Kerajaan sentiasa komited untuk menambah baik kualiti pendidikan Sekolah Agama, tahfiz dan pondok yang berdaftar dengan pemegang taruh (*stakeholder*) negeri masing-masing. Bagi tujuan tersebut, sejak

tahun 2015 Kerajaan melalui JAKIM telah mengurus agihan Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan kepada institusi Pendidikan Islam di bawah penyelarasan LEPAI bagi tujuan selenggara dan naik taraf bangunan. Hal ini juga selaras dengan salah satu **fungsi LEPAI iaitu menyalurkan bantuan, pemberian atau subsidi untuk faedah institusi pendidikan Islam di bawah penyelarasan LEPAI.**

PENUTUP

15. LEPAI sentiasa komited melaksanakan fungsinya dalam menyelaraskan dan meningkatkan mutu Pendidikan Islam di Sekolah Agama, tahfiz dan pondok termasuk membantu menunaikan hak-hak pendidikan kepada semua murid di institusi pendidikan berkenaan sebagaimana hak pendidikan yang diterima oleh murid-murid yang berada dalam pendidikan arus perdana. Ia bagi menjamin hak-hak pendidikan dapat diberikan kepada semua rakyat Malaysia secara adil dan saksama.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pendidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

Julai 2021